

Headline	Durian dijual RM8 sekilogram di Jitra		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Jul 2018	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	20,955
Page No	73	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	289 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,924
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,772



# Durian dijual RM8 sekilogram di Jitra

[ FOTO AMRAN HAMID / BH ]

**Jitra:** Musim durian membuka pintu rezeki kepada seorang peniaga yang dapat menjual antara empat ke lima raja buah itu setiap hari di kedainya di Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS) FAMA, Kepala Batas.

Peniaga, Mohd Azizi Azizan, 28, berkata beliau terpaksa menambah stok durian kampung itu sehingga lima tan sehari mulai semalam, berikutan durian yang dijual di kedainya habis dalam masa 30 minit sebelum ini.

Mohd Azizi berkata, beliau sebelum ini terpaksa menanggung kerugian sepanjang Ramadan lalu, akibat jualan buah-buahan merdu, namun jualannya kembali meningkat ketika ini.

"Kebanyakan stok ini dibeli dari Balik Pulau, Pulau Pinang dan Batu Kurau, Perak kerana berlaku lambakan durian di sana dan kami menjualnya di sini dengan harga

antara RM5 hingga RM8 sekilogram. "Saya memang tidak sangka ramai pelanggan sanggup datang jauh dari luar Kedah semata-mata mahu menikmati raja buah dengan harga berputatan dan isi yang baik," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Mohd Azizi berkata, selain menikmati keenakan durian, pelanggan juga boleh merasai hidangan pulut durian serta pelbagai jenis cendol termasuk cendol durian dan minuman buah-buahan lain.

"Ada pelanggan sanggup menunggu hampir dua jam di perkarangan gerai sehingga lori sampai bagi memilih sendiri buah yang mahu dibeli," katanya.

Mohd Azizi berkata, dia juga menambah penyediaan 15 kilogram pulut untuk dihidangkan kepada pelanggan setiap hari selain santan kelapa sawit segar.



**Mohd Azizi memilih durian** untuk pelanggannya di gerai GBBS Kepala Batas, Jitra.